

# PANDUAN QIAMULLAIL

وَيَذُرُّ الْمَغْرِبَ إِذْ يَمُوتُ  
الْقَوْمَ الْأَعْيُنَ وَمَنْ يَدْعُ  
عِندَ الْمَغْرِبِ يَدْعُ أَهْلَ  
الْأَعْيُنِ وَمَنْ يَدْعُ عِندَ  
الْمَغْرِبِ يَدْعُ أَهْلَ  
الْأَعْيُنِ وَمَنْ يَدْعُ عِندَ  
الْمَغْرِبِ يَدْعُ أَهْلَ  
الْأَعْيُنِ



جايان كمالوان اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# **Panduan Qiamullail**

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Cetakan Kesebelas 2009  
Cetakan Keduabelas 2010

Cetakan Ketigabelas.....2013  
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62579 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Panduan Qiamullail  
ISBN 978-983-042-187-2

*Rekabentuk dan Dicetak oleh:*  
OMR Press Sdn Bhd  
No. 18, Jalan Industri USJ 1/12,  
Taman Perindustrian USJ 1,  
47600 Subang Jaya,  
Selangor Darul Ehsan

# KANDUNGAN

Pendahuluan	1
Kelebihan Qiamullail	2
Amalan-Amalan Sunat Semasa Qiamullail	6
Beberapa Sembahyang Sunat Semasa Qiamullail	6
Amalan Lain Yang Disunatkan Semasa Qiamullail	30
Cara Mengerjakan Qiamullail	34
Penutup	35



# PANDUAN QIAMULLAIL

## Pendahuluan

**Q**iamullail ialah satu amalan sunat yang bererti 'bangun malam' iaitu bangun dengan tujuan untuk beribadat kepada Allah SWT amalan qiamullail bukanlah satu perkara baru, bahkan ianya merupakan ibadat yang sudah menjadi darah daging atau amalan para rasul, nabi-nabi, orang soleh dan alim ulama sejak dahulu lagi.

Hasil dari gerakan dakwah yang berjalan lancar sejak akhir-akhir ini, telah menarik minat ramai orang bukan sahaja golongan tua, bahkan golongan muda termasuk penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi untuk menghayati amalan qiamullail.

Justeru itu buku kecil ini diharap dapat menjadi panduan untuk mengerjakan ibadat qiamullail.

## Kelebihan Qiamullail

Banyak ayat al-Quran dan hadits nabi yang menerangkan tentang kelebihan bagi mereka yang mengerjakan ibadah qiamullail.

Diantaranya ialah firman Allah SWT:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَسُجِّدْ لَهُ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ

أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾

**Maksudnya:** “Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjalah sembahyang tahajjud padanya sebagai sembahyang tambahan bagimu, semoga Tuhanmu membangkitkan dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji.”

(Surah al-Isra': 79)

Dalam firman-Nya yang lain berbunyi:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَسُجِّدْ لَهُ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا

طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

**Maksudnya:** “Dan (dengan apa keadaan pun) maka pada sebahagian waktu malam sujudlah kepada Tuhanmu (dengan mengerjakan sembahyang) dan (seboleh-

*bolehnya) bertasbihlah memuji-Nya (dengan mengerjakan sembahyang Tahajjud), pada sebahagian yang panjang dari waktu malam.”*

(Surah al-Insan: 26)

Rasulullah SAW menyuruh umatnya bangun beribadat di tengah malam (qiamullail) sebagai satu ibadat tambahan. Baginda sentiasa melakukan qiamullail dengan bersungguh-sungguh sebagaimana yang digambarkan dalam sebuah hadith dari Aisyah RA yang berbunyi:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ  
النَّبِيُّ ﷺ يَقُومُ مِنَ اللَّيْلِ حَتَّى تَتَفَطَّرَ قَدَمَاهُ  
فَقُلْتُ لَهُ، لِمَ تَصْنَعُ هَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ،  
وَقَدْ غُفِرَ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ،  
قَالَ: أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا.


**Maksudnya:** “Bahawa Rasulullah SAW bangun sebahagian daripada malam bersembahyang hingga bengkak kedua kakinya, maka aku (Aisyah) berkata kepada baginda, mengapa Rasulullah SAW lakukan ini semua, bukankah dosa tuan telah diampunkan oleh Allah sama ada yang



terdahulu ataupun yang terkemudian?  
Baginda menjawab: *Salahkah aku menjadi hamba yang bersyukur?*”

(Muttafaq Alaih)

Bangun bersembahyang, bertasbih dan membaca al-Quran pada sebahagian daripada malam boleh memberi kesan yang mendalam kepada jiwa orang yang melakukannya. Firman Allah SWT yang berbunyi:



**Maksudnya:** “Sesungguhnya bangun beribadat pada waktu malam itu adalah sangat berkesan (dalam hati) dan lebih betul bacaannya.”

(Surah al-Muzammil: 6)

Jabir RA pula mengatakan bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang berbunyi:

إِنَّ فِي اللَّيْلِ لَسَاعَةٌ لَا يُوَافِقُهَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ  
يَسْأَلُ اللَّهَ خَيْرًا مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ إِلَّا  
أَعْطَاهُ إِيَّاهُ وَذَلِكَ كُلُّ لَيْلَةٍ.

**Maksudnya:** “pada malam hari ada satu saat (yang berkat) di mana jika seseorang muslim menepati saat itu dan berdoa kepada Allah SWT meminta keberkatan dunia atau akhirat nescaya Allah kabulkan doanya. Keadaan ini ada pada tiap-tiap malam.”

(Riwayat Muslim)

Dalam sebuah hadits lain pula. Abdullah bin Salam berkata bahwa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سَلَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ  
النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَيُّهَا النَّاسُ! أَفْشُوا السَّلَامَ  
وَأَطْعَمُوا الطَّعَامَ وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ  
تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ.

**Maksudnya:** “Wahai manusia hendaklah kamu banyak memberi salam, menjamu makan, bersembahyang pada waktu malam ketika manusia nyenyak tidur, nescaya kamu akan masuk syurga dengan sejahtera.”

(riwayat al-Tirmizi)

## **Amalan-Amalan Sunat Semasa (Qiamullail)**

Berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith yang disebut di atas menunjukkan bahawa di antara amalan-amalan yang disunatkan semasa qiamullail ialah mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat, membaca al-Quran, berzikir dan beristighfar memohon ampun ke hadrat Allah SWT. Tentang sedikit atau banyaknya mengerjakan amalan-amalan sunat bergantung kepada kemampuan seseorang. Jika seseorang itu hanya mampu mengerjakan hanya dua rakaat sembahyang Tahajjud sahaja umpamanya, maka ini juga dikira melakukan ibadat qiamullail. Walau bagaimanapun sedikit atau banyak bukanlah menjadi ukuran, yang penting ialah keikhlasan seseorang dalam mengerjakan ibadah dan sentiasa melakukannya kerana keikhlasan dan selalu melakukannya itu akan lebih menghampirkan seseorang kepada Allah SWT.

## **Beberapa Sembahyang Sunat Semasa Qiamullail**

Di antara sembahyang-sembahyang sunat yang biasa dikerjakan semasa qiamullail ialah:

## 1. Sembahyang Sunat Awwabin

Awwabin bererti kembali iaitu kembali mengingati Allah SWT ketika berada dalam kelalaian. Sembahyang sunat ini biasa dilakukan di antara waktu Maghrib dengan Isyak. Sembahyang ini boleh dikerjakan 20 rakaat, 4 rakaat dan 2 rakaat.

### Fadilat Sembahyang Sunat Awwabin

Rasulullah SAW pernah bersabda yang berbunyi:

مَنْ صَلَّى بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ عِشْرِينَ  
رَكْعَةً بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ.

**Maksudnya:** “Sesiapa yang bersembahyang di antara Maghrib dan Isyak 20 rakaat, Allah SWT membina untuknya sebuah mahligai dalam syurga.”

(Riwayat Ibn Majah)

### Cara-cara Sembahyang Sunat Awwabin

Sebelum seseorang itu mendirikan sembahyang sunat tersebut dia hendaklah membaca doa ini:

مَرْحَبًا بِمَلَائِكَةِ اللَّيْلِ، مَرْحَبًا بِالْمَلَائِكِينَ  
 الْمُكَاتِبِينَ، أَكْتُبَا فِي صَحِيفَتِي إِنِّي أَشْهَدُ  
 أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
 وَرَسُولُهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ الْجَنَّةَ حَقٌّ وَالنَّارَ حَقٌّ  
 وَالْحَوْضَ حَقٌّ وَالشَّفَاعَةَ حَقٌّ وَالصِّرَاطَ حَقٌّ  
 وَالْمِيزَانَ حَقٌّ، وَأَشْهَدُ أَنَّ السَّاعَةَ حَقٌّ آتِيَةٌ لَا  
 رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ. اللَّهُمَّ  
 إِنِّي أُوَدِّعُكَ هَذِهِ الشَّهَادَةَ لِيَوْمِ حَاجَتِي إِلَيْهَا.  
 اللَّهُمَّ احْفَظْ بِهَا وَزْرِي وَاغْفِرْ بِهَا ذَنْبِي  
 وَثَقِّلْ بِهَا مِيزَانِي وَأَوْجِبْ لِي بِهَا أَهْلِي  
 وَتَجَاوَزْ عَنِّي يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

**Maksudnya:** "Selamat datang wahai  
 malaikat yang bertugas malam, selamat  
 datang wahai dua malaikat pencatat  
 yang mulia, tuliskan dalam rekodku  
 sesungguhnya aku naik saksi bahawasanya

Tiada yang lain melainkan Allah dan aku naik saksi bahawasanya Nabi Muhammad SAW itu hamba-Nya dan perutusan-Nya, aku naik saksi bahawasanya syurga itu benar, neraka itu benar, kalam itu benar. Aku naik saksi bahawa kiamat itu benar dan pasti akan datang tidak ragu lagi, Allah akan bangkitkan mayat daripada kubur. Hai! Tuhanku simpankanlah penyaksianku ini di sisi-Mu untuk hari yang aku perlukan kepadanya. Hai! Tuhanku simpankanlah amalanku, ampunkanlah dosaku, beratkanlah timbanganku yang baik dan pastikan dengannya pencapaian cita-citaku dan perkenankanlah untukku hai tuhan yang sangat Pemurah.”

Kemudian sembahyang dua rakaat dengan lafaz niat seperti berikut:

أُصَلِّي سُنَّةَ حِفْظِ الْإِيْمَانِ مَعَ الْأَوَابِينِ  
رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

**Maksudnya:** “Sahaja aku sembahyang sunat memelihara iman serta Awwabin dua rakaat kerana Allah SWT.”

Bacaan tiap-tiap rakaat selepas al-Fatihah:

6 kali surah al-Ikhlâs ﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝١...﴾

1 kali surah al-Falaq ﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۝١...﴾

1 kali surah al-Nas ﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ۝١...﴾

Dalam rakaat kedua juga dibaca seperti dalam rakaat pertama, kemudian selepas salam, bacalah doa ini:

اللَّهُمَّ سَدِّدْنِي بِالْإِيمَانِ وَاحْفَظْهُ عَلَيَّ فِي  
حَيَاتِي وَعِنْدَ وَفَاتِي وَبَعْدَ مَمَاتِي .

**Maksudnya:** “Ya Allah, penuhkanlah aku dengan iman dan peliharakanlah ia sepanjang hidupku, waktu matiku dan selepas matiku.”

Sesudah itu bangun sembahyang dua rakaat lagi dengan lafaz:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْأَوَّابِينَ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

**Maksudnya:** “Sahaja aku sembahyang sunat Awwabin dua rakaat kerana Allah SWT.”

Selepas membaca surah al-Fatihah bacalah mana-mana surah yang telah ditetapkan dalam dua rakaat itu.

## **2. Sembahyang Sunat Tahajjud**

Pengertian Tahajjud ialah sembahyang sunat apabila terjaga daripada tidur malam walaupun tidur hanya sebentar. Sembahyang ini dilakukan selepas daripada waktu Isyak sehingga terbit fajar. Sebaik-baiknya dilakukan pada waktu satu pertiga malam (kira-kira jam 3.00 pagi) hingga ke fajar. Sembahyang ini dilakukan sekurang-kurangnya dua rakaat secara bersendirian. Lakukanlah seberapa banyak yang termampu.

### **Fadilat Sembahyang Tahajjud**

- i. Mendapatkan pengawasan Allah SWT dan menampakkan kesan-kesan ketaatan di wajahnya.
- ii. Dikasihi oleh para ahli ibadat dan orang-orang mukmin.
- iii. Percakapannya mempunyai hikmah, benar dan bijaksana.
- iv. Wajahnya bersih bersinar dan bercahaya semasa dibangkitkan di padang mahsyar.
- v. Dimudahkan hisab ke atasnya.



- vi. Senang melalui Titian Siratul Mustaqim umpama kilat yang menyambar.
- vii. Menerima anugerah catatan amalan dengan tangan kanan.
- viii. Jauh daripada kebinasaan.

## Cara Mengerjakannya

lafaz niat:

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّهَجُّدِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang sunat Tahajjud dua rakaat kerana Allah taala."

## Bacaan

Pada rakaat pertama hendaklah baca surah al-Fatihah dan surah al-Kafirun

﴿... ﴿١﴾ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ﴾

Pada rakaat kedua hendaklah baca surah al-Fatihah dan surah al-Ikhlâs

﴿... ﴿١﴾ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾

Selepas daripada salam hendaklah membaca doa ini:

اللَّهُمَّ أَنْتَ قِيَمُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ،  
 وَلَكَ الْحَمْدُ لَكَ مُلْكُ السَّمَوَاتِ  
 وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ  
 نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ وَلَكَ  
 الْحَمْدُ أَنْتَ الْحَقُّ، وَوَعْدُكَ الْحَقُّ وَلِقَاؤُكَ  
 حَقٌّ، وَقَوْلُكَ حَقٌّ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ  
 حَقٌّ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ، وَمُحَمَّدٌ ﷺ حَقٌّ،  
 وَالسَّاعَةُ حَقٌّ. اللَّهُمَّ لَكَ أَسَلَمْتُ وَبِكَ  
 أَمَنْتُ وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْكَ أُنَبْتُ، وَبِكَ  
 خَاصَمْتُ وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ، فَاعْفِرْ لِي مَا  
 قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ  
 وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ  
 الْمُؤَخِّرُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ  
 إِلَّا بِاللَّهِ.

**Maksudnya:** “Ya Allah bagi-Mu segala pujian, Engkaulah Pencipta semua langit dan bumi serta segala yang terdapat di dalamnya. Bagi Engkau segala pujian,Engkaulah yang menerangi semua langit dan bumi dan orang-orang yang berada di dalamnya. bagi Engkau segala pujian, Engkaulah yang benar dan janji Engkau adalah benar, syurga dan neraka adalah benar, semua nabi Engkau adalah benar, Muhammad SAW adalah benar, dan hari kiamat adalah benar. Ya Allah kepada-Mulah aku serahkan diriku, aku percaya kepada Engkau, tempat aku berserah diri dan kepada Engkau aku kembali, dengan pertolongan Engkau aku menghadapi musuhku, kepada Engkau aku berhukum. Ya Allah ampunilah dosa-dosaku yang terdahulu dan terkemudian,dosa yang tersembunyi dan yang nyata dan dosa yang hanya Engkau sahaja yang mengetahui. Engkaulah yang dahulu dan yang akhir, tiada tuhan kecuali Engkau dan tiada daya upaya kecuali dengan pertolongan Engkau.”

### **3. Sembahyang Sunat Hajat**

Sembahyang Hajat bererti sembahyang untuk meminta sesuatu hajat yang tertentu. Ia boleh

dilakukan secara bersendirian mengikut hajat masing-masing dan boleh juga dilakukan secara berjemaah jika untuk niat yang sama.

## Cara Mengerjakannya

Sembahyang ini tidak ditentukan jumlah rakaat sebenar tapi biasanya dilakukan antara dua hingga dua belas rakaat.

lafaz niat:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْحَاجَةِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang sunat Hajat rakaat kerana Allah Taala."

## Bacaan

Pada rakaat pertama hendaklah baca surah al-Fatihah satu kali dan surah al-Kafirun satu kali atau sepuluh kali.

﴿ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ... ﴾

Pada rakaat kedua hendaklah baca surah al-Fatihah satu kali dan surah al-Ikhlash satu kali atau sepuluh kali.

﴿ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ... ﴾

Selepas memberi salam hendaklah membaca doa ini:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ  
وَيُكَافِي مَزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا  
يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ ...

Kemudian pohonlah apa yang dihajati. Apabila selesai berdoa hendaklah diakhiri dengan selawat iaitu:

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ  
الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Insyaa Allah segala apa yang dihajati akan dimakbulkan oleh Allah SWT.

#### 4. Sembahyang Sunat Taubat

Sembahyang sunat Taubat bererti sembahyang memohon keampunan dan taubat Nasuha daripada Allah SWT. Sembahyang ini dilakukan sebanyak dua rakaat. Asas sembahyang ini ialah:

- i. Menyesal di atas segala perbuatan dosa yang dilakukan.
- ii. Menyucikan diri daripada perbuatan dosa dan berhenti daripada melakukan maksiat serta meminta ampun di atas apa yang telah dilakukan daripada Allah SWT, memohon maaf kepada manusia terhadap dosa yang berkaitan dengan harta benda, maruah dan jiwa. Mengqadhakan segala apa yang telah terluput seperti amalan-amalan sembahyang, puasa dan lain-lain sekadar yang termampu.
- iii. Berazam tidak akan melakukan lagi segala perbuatan tersebut serta menjauhkannya.

#### Cara Mengerjakannya

Lafaz Niat:

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّوْبَةِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang sunat Taubat dua rakaat kerana Allah Taala."

## Bacaan

Pada rakaat pertama hendaklah baca surah al-Fatihah dan surah al-Kafirun.

﴿... ﴿١﴾ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ﴾

Pada rakaat yang kedua pula hendaklah baca surah al-Fatihah dan al-Ikhlash.

﴿... ﴿١﴾ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾

Kemudian selepas salam bacalah wirid dan istighfar ini:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ وَأَسْأَلُهُ التَّوْبَةَ  
وَالْمَغْفِرَةَ. (70X)

سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ. (100X)

dan akhirnya bacalah doa yang biasa dibaca untuk memohon keampunan dan taubat daripada Allah SWT.

Doa taubat juga boleh dibaca secara beramai-ramai seperti berikut:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ (3X)

**Maksudnya:** "Aku minta ampun dari Allah."

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ (3X) وَرَجَعْنَا إِلَى اللَّهِ

**Maksudnya:** "Kami bertaubat kepada Allah dan kami kembali kepada-Nya."

وَنَدِمْنَا عَلَى مَا فَعَلْنَا

**Maksudnya:** "Kami menyesal atas apa yang telah kami lakukan."

وَعَزَمْنَا عَلَى أَنْ لَا نَعُودَ لِذَنْبٍ أَبَدًا.

**Maksudnya:** "Dan kami berazam tidak akan mengulangi lagi dosa-dosa tersebut buat selama-lamanya."

وَنَحْنُ بَرِيئُونَ مِنْ كُلِّ دِينٍ يُخَالِفُ دِينَ  
الْإِسْلَامِ.

**Maksudnya:** "Dan kami berlepas diri dari segala agama yang bertentangan dengan agama Islam."



وَنَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ

**Maksudnya:** “Dan kami naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya.”

وَنَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ

**Maksudnya:** “Dan kami naik saksi bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah, selawat dan salam ke atasnya.”

رَضِينَا بِاللَّهِ رَبًّا

**Maksudnya:** “Kami redha Allah sebagai tuhan kami.”

وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا

**Maksudnya:** “Dan agama Allah sebagai agama kami.”

وَبِسَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ﷺ نَبِيًّا وَرَسُولًا.

**Maksudnya:** “Selawat dan sejahtera ke atas Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul.”

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا

**Maksudnya:** “Ya Allah peliharalah ke atas nabi Muhammad SAW, keluarganya dan para sahabatnya, semoga selamat sejahtera.”

وَكُنْ بِنَا وَبِالْمُؤْمِنِينَ رُؤُوفًا رَحِيمًا

**Maksudnya:** “Berlakulah lembut dan belas kasihan ke atas kami serta orang-orang yang beriman.”

## 5. Sembahyang Sunat Tasbih

Mengenai sembahyang ini Imam Nawawi pernah berkata bahawa telah menjadi pegangan jumbuh ulama syafi'iyah bahawa sembahyang Tasbih ini adalah hukumnya sunat. Terdapat hadith-hadith yang menggesa supaya beramal pada setiap hari, jika tidak melakukannya hendaklah dilakukan seminggu sekali, jika tidak dapat dilakukan seminggu sekali hendaklah dilakukan sebulan sekali, jika tidak dapat dilakukan sebulan sekali, hendaklah dilakukan setahun sekali, jika tidak dapat melakukan setahun sekali hendaklah

dilakukan sekali seumur hidup.

Walaupun hadits-hadith tersebut tidak kuat untuk dijadikan hujah, tapi ulama membolehkan beramal dengan fadhail amal. Waktu mengerjakannya ialah pada waktu siang dilakukan empat rakaat dengan satu malam.

### **Bacaan Tasbih dan bilangannya**

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ  
الْعَظِيمِ.

Jumlah bacaan tasbih dalam satu rakaat ialah 75 kali.

Jumlah dalam empat rakaat ialah 300 kali.

### **Cara Mengerjakannya**

i. Lafaz niatnya:

a. Waktu siang

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّسْبِيحِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ لِلَّهِ  
تَعَالَى.

**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang

*sunat Tasbih empat rakaat kerana Allah Taala."*

**b. Waktu malam**

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّسْبِيحِ رُكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى .

**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang sunat Tasbih dua rakaat kerana Allah Taala."

- ii. Setelah membaca doa Iftitah maka bacalah al-Fatihah kemudian bacalah surah-surah yang difikirkan sesuai.
- iii. Sebelum rukuk bacalah tasbih sebanyak 15 kali.
- iv. Rukuk, selepas bacaan rukuk bacalah tasbih sebanyak 10 kali.
- v. I'tidal, selepas bacaan i'tidal bacalah sebanyak 10 kali.
- vi. Sujud, selepas bacaan sujud bacalah tasbih sebanyak 10 kali.
- vii. Duduk di antara dua sujud, selepas membaca doanya bacalah tasbih sebanyak 10 kali.
- viii. Sujud kedua, selepas bacaannya bacalah tasbih sebanyak 10 kali.

- ix. Sebelum berdiri hendaklah duduk istirehat dan bacalah tasbih sebanyak 10 kali, begitu juga selepas tahiyat akhir sebelum salam. (Tasbih sebanyak 10 kali selepas tahiyat awal sekiranya sembahyang itu dilakukan pada waktu siang hari.)

## Peringatan

1. Jika terlupa membaca tasbih pada salah satu tempatnya, bolehlah digantikan pada tempat berikutnya supaya tetap mencukupi bilangan tasbihnya sebanyak 300 kali.
2. Ketika duduk tahiyat bacalah bacaan tahiyat terlebih dahulu kemudian barulah baca tasbih.
3. Surah yang elok dibaca selepas bacaan al-Fatihah ialah:

- i. Rakaat pertama ﴿... ۱﴾
- ii. Rakaat kedua ﴿... ۱﴾
- iii. Rakaat ketiga ﴿... ۱﴾
- iv. Rakaat keempat ﴿... ۱﴾

Selepas memberi salam hendaklah baca doa berikut:

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ تَوْفِيقَ أَهْلِ الْهُدَى وَأَمَالَ  
 أَهْلِ الْيَقِينِ وَمُنَاصِحَةَ أَهْلِ التَّوْبَةِ وَعَزْمَ  
 أَهْلِ الصَّبْرِ وَوَجَلَ أَهْلِ الْخَشْيَةِ وَطَلَبَ  
 أَهْلِ الرَّغْبَةِ وَتَعَبُّدَ أَهْلِ الْوَرَعِ وَعِرْفَانَ أَهْلِ  
 الْعِلْمِ حَتَّى نَخَافَكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ  
 مَخَافَةً تُحْجِرُنَا عَنْ مَعَاصِيكَ حَتَّى  
 نَعْمَلَ بِطَاعَتِكَ نَسْتَحِقُّ بِهِ رِضَاكَ وَحَتَّى  
 نُنَاصِحَكَ فِي التَّوْبَةِ وَخَوْفًا مِنْكَ حَتَّى  
 نُخْلِصَ لَكَ النَّصِيحَةَ وَحَتَّى نَتَوَكَّلَ عَلَيْكَ  
 فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا وَحَتَّى نَكُونَ نُحْسِنُ الظَّنَّ  
 بِكَ، سُبْحَانَ خَالِقِ النَّوْرِ.

**Maksudnya:** “Ya Allah, Ya Tuhan kami, kami memohon taufik daripada-Mu seperti mana mereka yang telah Engkau berikan petunjuk dan jadikan amalan kami sepertimana amalan ahli-ahli yakin, dan jadikanlah

*kami daripada golongan orang-orang yang menerima nasihat, golongan orang-orang yang bertaubat dan mempunyai keamanan sepertimana orang-orang sabar, gementar kami sepertimana orang takut. Kami juga memohon sepertimana permohonan orang-orang yang suka kepada kebaikan dan beribadat sepertimana beribadat orang-orang yang warak. Dan jadikanlah pengetahuan kami ini sepertimana orang-orang berilmu, dan masukkanlah kami ke dalam golongan orang-orang yang takut kepada Engkau. Ya! Allah, kami memohon kepada-Mu jadikanlah kami terdiri daripada orang-orang yang takut kepada perbuatan maksiat sehingga kami sentiasa mentaati dan beramal dengan perintah-Mu sebagaimana amalan orang-orang yang mendapat keredaan-Mu dalam setiap perkara, dan kami memohon supaya menjadi orang yang baik sangka kepada Engkau, maha Suci Engkau sebagai Pencipta.”*

## **6. Sembahyang Sunat Witr**

Witr ertinya ganjil, yakni tidak genap rakaatnya. Sembahyang ini boleh dilakukan secara perseorangan atau berjemaah.

Hukumnya sunat muakkad, dikerjakan sekurang-kurangnya satu rakaat dua salam dan sebanyak-banyaknya sebelas rakaat dengan tujuh salam. Waktunya selepas sembahyang Isyak.

### Fadilatnya

- i. Para malaikat turut menyaksikan atas kesungguhan amalannya.
- ii. Lebih afdal daripada sunat-sunat rawatib yang lain. Waktunya selepas sembahyang Isyak. Sabda Rasulullah SAW:

يَا أَهْلَ الْقُرْآنِ أَوْتَرُوا فَإِنَّ اللَّهَ وَتَرٌ يُحِبُّ  
الْوِتْرَ.

**Maksudnya:** "Wahai ahli al-Quran, kerjakanlah sembahyang Witir, sebab Allah itu witr (Maha Esa) dan suka sekali kepada witr."

(Riwayat Ahmad)

### Cara Mengerjakannya

- i. Lafaz Niat:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوِتْرِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.



**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang sunat Witir dua rakaat kerana Allah Taala."

أُصَلِّي سُنَّةَ الْوَيْتْرِ رَكْعَةً لِلَّهِ تَعَالَى .

**Maksudnya:** "Sahaja aku sembahyang sunat Witir satu rakaat kerana Allah taala."

- ii. Rakaat pertama selepas al-Fatihah, baca surah al- 'Ala:

﴿... ﴿١﴾ سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى﴾

- iii. Rakaat kedua selepas al-Fatihah, baca surah al-Kafirun:

﴿... ﴿١﴾ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ﴾

- iv. Rakaat ketiga selepas al-Fatihah, baca surah:

Surah al-Ikhlās ﴿... ﴿١﴾ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾

Surah al-Falaq ﴿... ﴿١﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ﴾

Surah al-Nas ﴿... ﴿١﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ﴾

v. Selepas tahiyat dan salam baca:

(2X) ... يَا لَطِيفُ يَا كَافِي يَا حَفِيظُ يَا شَافِي

(1X) ... يَا لَطِيفُ يَا وَافِي يَا كَرِيمُ أَنْتَ اللَّهُ

(10X)... لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

vi. Selepas itu baca doa ini:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ وَأَعُوذُ  
بِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ مِنْكَ لَا أُحْصِي  
ثَنَاءً عَلَيْكَ، أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَيَّ نَفْسِكَ.

### Peringatan

Barang siapa yang telah mengerjakan witr penamat, kemudian mahu bersembahyang lagi selepas itu, maka ia boleh sembahyang tetapi tidak mengulangi witr kerana Rasulullah SAW telah bersabda:

لَا وِتْرَانِ فِي لَيْلَةٍ.

**Maksudnya:** "Tidak ada dua witr pada satu malam."

(Riwayat Ahmad)

Walau bagaimanapun mengikut pendapat ulama dalam Kitab Bahrul Mazi mengatakan, sesiapa yang telah menjayakan witr pada awal malam, kemudian apabila ia bangun di tengah malam dan mahu mengerjakan witr sekali lagi, maka ia hendaklah bersembahyang Witr satu rakaat dengan niat untuk mengenakan witr di awal malam tadi.

Setelah selesai ia mengerjakan sembahyang satu rakaat barulah boleh ia mengerjakan sembahyang Tahajjud dan sembahyang sunat-sunat yang lain dan di akhir sekali barulah ia sembahyang sunat Witr. Keadaan ini dikira satu witr sahaja dalam satu malam.

## **Amalan Lain Yang Disunatkan Semasa Qiamullail**

Antara amalan-amalan lain yang disunatkan semasa qiamullail ialah:

### **1. Membaca al-Quran**

Membaca al-Quran adalah satu ibadat yang mempunyai pahala yang besar kerana setiap huruf yang dibaca itu akan digandakan sepuluh kebjakan. Dalam perkara tersebut Rasulullah SAW mengingatkan dalam sabda yang berbunyi:

اقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا  
لِأَصْحَابِهِ.

**Maksudnya:** "Bacalah olehmu al-Quran  
kerna pada hari kiamat ia akan memberikan  
syafaat kepada pengamalnya."

(Riwayat Muslim)

Antara surah-surah yang sangat baik untuk  
dibaca ialah:

- i. Surah Yasin, ia merupakan surah jantung al-Quran (Hadith riwayat Ahmad)
- ii. Surah al-Rahman, ia diibaratkan gadis pengantin (Hadith riwayat Ahmad)
- iii. Surah al- 'Ala, ia adalah surah yang sangat digemari oleh baginda Rasulullah SAW (Hadith riwayat al-Bukhari)
- iv. Surah al-Fatihah, ia adalah pokok al-Quran (Hadith riwayat al-Bukhari)
- v. Surah al-Kahfi, ia adalah tempat naungan pada hari akhirat (Hadith riwayat al-Bukhari)
- vi. Surah al-Kahfi, ia merupakan tempat naungan para malaikat (Hadith riwayat Muslim)

- vii. Surah al-Sajadah, ia sangat digemari oleh baginda Rasulullah SAW (Hadith riwayat al-Tarmizi)
- viii. Surah al-Mulk, ia adalah surah yang memberi syafaat pada hari akhirat nanti (Hadith riwayat Ibn Majah)
- ix. Surah al-Nas dan al-Falaq, ia adalah surah yang memberi perlindungan pada hari akhirat nanti (Hadith Abu Daud)

## 2. Zikir

Berzikir ialah sama ada menyebut kalimah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) atau (اللَّهُ، اللَّهُ) atau (سُبْحَانَ اللَّهِ) atau (الْحَمْدُ لِلَّهِ) atau (اللَّهُ أَكْبَرُ)

Allah berfirman dalam al-Quran yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا



**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman ingatlah kepada Allah melalui zikir yang banyak.”  
(Surah al-Ahzab: 41)

## Fadilat Zikir

1. Mengubati hati yang lalai dan leka.
2. Untuk mendapatkan darjat dan kurniaan yang melimpah pada hari akhirat nanti.
3. Bagi sesiapa yang bertasbih seratus kali dan tahlil seratus kali selepas sembahyang Subuh maka Allah akan mengampunkan dosanya walaupun sebanyak buih di lautan sekalipun.
4. Barang sesiapa berzikir (سُبْحَانَ اللَّهِ) tiga puluh tiga kali (الْحَمْدُ لِلَّهِ) tiga puluh tiga kali tiga puluh tiga kali dan di akhiri dengan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ  
الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى  
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

maka Allah akan mengampunkan dosanya walaupun sebanyak buih di lautan.

## **Cara mengerjakan Qiamullail**

Sepertimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa qiamullail merupakan amalan sunat yang sangat tinggi ganjarannya dari Allah SWT Amalan ini boleh dikerjakan secara persendirian atau bersama anak isteri di rumah ataupun secara berjemaah sama ada di masjid atau di surau. Jika dikerjakan secara persendirian atau bersama keluarga bolehlah dikerjakan di rumah sahaja. Waktu yang sebaik-baik bangun ialah sepertiga akhir malam (kira-kira jam 3-00 pagi). Setelah kita bangun dan mengambil wuduk lalu terus mengerjakan sembahyang sunat Tahajjud dua rakaat atau lebih dan mengerjakan sunat lain seperti sunat Tasbih, sunat Taubat, sunat Hajat dan sunat Witr.

## Penutup

Ibadat Fardu seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya adalah ibadah yang semestinya kita kerjakan, kerana ianya merupakan kewajiban atau tanggungjawab bagi setiap yang cukup syarat-syaratnya. Manakala ibadat-ibadat sunat seperti sembahyang sunat membaca Quran, berzikir, berdoa dan sebagainya adalah merupakan ibadat tambahan, di mana ganjaran hasil dari ibadat tersebut akan dapat menaikkan darjat seorang mukmin ke suatu darjat yang disebut ( **مَقَامًا مَّحْمُودًا** ) iaitu tempat yang terpuji di akhirat nanti.

Oleh yang demikian marilah sama-sama kita cuba memperbanyakkan amalan-amalan sunat lebih-lebih lagi ibadat qiamullail, sementara badan kita masih sihat, masih mempunyai kekuatan fizikal hasil dari mengecapi nikmat-nikmat Allah SWT, mudah-mudahan kita juga akan termasuk ke dalam golongan ahli ibadat dan diletakkan bersama-sama dengan para nabi, rasul dan orang yang soleh.









Percuma

ISBN 983-042-297-6



9 789830 422978

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)